

05/08/1997

Malaysia tolak tawaran Fokker (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Ebi Azly Abdullah

LANGKAWI, Isnin - Malaysia menolak tawaran membeli ekuiti dalam NV Fokker berikutan syarikat itu tidak membenarkan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) melaksanakan kajian kemungkinan dan pemeriksaan akaunnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Perdana Menteri menjelaskan, Khazanah memang mulanya berminat berbuat demikian selepas menerima tawaran syarikat pengeluar pesawat Fokker di Belanda, yang menghadapi masalah kewangan dan bebanan hutang itu.

Bagaimanapun, katanya, kerana Khazanah tidak boleh melakukan kajian kemungkinan dan memeriksa akaun Fokker, cadangan kerajaan untuk menyelamatkan syarikat bermasalah itu dibatalkan.

"Setakat yang saya tahu itulah ... ia (Khazanah) tidak dapat buat kajian dan tak setuju nak beli, itu yang diberitahu. Sepanjang yang saya tahu, ia ditutup (cadangan pembelian ekuiti)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran dan Persidangan Langkawi Oshkosh East Fly-In 1997 (Langkawi Fly-In '97), di sini hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, walaupun hasrat mengambil alih syarikat Fokker dibatalkan, ia tidak bermakna kerajaan berputus asa sebaliknya akan terus mencari jalan untuk mendapatkan teknologi asing.

Buat permulaan, kerajaan akan menumpukan terhadap usaha mengeluarkan komponen pesawat besar dan kecil dengan beberapa syarikat tempatan mengorak langkah mengeluarkan dan mengeksport pesawat ringan secara besar-besaran.

NV Fokker, antara pengeluar pesawat tertua di dunia memohon pengisytiharan muflis Mac lalu, selepas pemegang saham utamanya, Daimler-Benz AG dari Jerman menarik diri daripada syarikat itu.

Syarikat yang mengeluarkan pesawat F-100 dan F-70 itu kemudian diarah diletakkan di bawah tanggungan sementara menunggu pembeli. Berikutan itu, ia membuat tawaran kepada Kerajaan Malaysia supaya membeli ekuitinya sebagai sebahagian rancangan menyelamatkan.

Selepas kerajaan dilaporkan enggan menerima tawaran berkenaan, Fokker masih mahu mengadakan perbincangan lanjut dengan harapan Malaysia menimbang semula kemungkinan membeli ekuitinya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berhasrat menceburi industri penerbangan secara besar-besaran dengan matlamat mengeluarkan pesawat komersil buatan tempatan.

Sehubungan itu, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah meningkatkan minat rakyat terhadap bidang penerbangan menerusi pameran udara seperti Langkawi Fly-In 97.

Secara umumnya, kata Perdana Menteri, rakyat negara ini agak ketinggalan berbanding negara lain dari segi kefahaman terhadap pemasangan pesawat dan penggunaan alat ganti.

"Kita mahu meningkatkan minat masyarakat terhadap pembinaan khususnya bagaimana ia dikeluarkan, direka, terbang dan kawalan ketika di udara.

"Peningkatan minat boleh membantu ke arah mengeluarkan pesawat komersil pertama negara satu masa nanti. Jika kita enggan mencuba, sudah tentunya kita tidak akan berkembang," katanya.

Pameran kali ini menyaksikan salah satu pesawat tempatan terbaru, iaitu Eagle X-TS yang sebahagian besarnya dibuat di Australia.

"Philio Allied pula sudah memulakan operasinya dengan cadangan mengeksport pesawat ringan ke Amerika Syarikat (AS) manakala Lance Air

sedang membina kemudahannya di Melaka," katanya.

Lebih 20 pesawat ringan mewakili kelab penerbangan dan syarikat dari lapan negara menyertai pertunjukan itu.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman mengeluarkan pesawat kawalan jauh di Alor Star, antara MYHH Hobby Centre Sdn Bhd dan OK Model Co Ltd dari Jepun.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin; Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; dan Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd, Datuk Radzi Manan.

(END)